

## **Proses pembentukan modul psikospiritual mangsa banjir (MPS MB): Strategi spiritualiti/keagamaan**

### **ABSTRAK**

Penerokaan mengenai aspek psikologi dan keperluan pembentukan modul psikologi mangsa banjir dilihat sebagai satu keperluan penting bagi mereka khususnya selepas berlakunya bencana banjir yang serius. Ketiadaan sokongan pemulihan kecemasan psikologi spiritual selepas berlakunya bencana banjir akan memberi impak kepada mangsa bencana dan kedua-dua aspek ini serta boleh mengakibatkan kesan berpanjangan seperti kemurungan dan gangguan stres pasca trauma. Justeru, kajian ini bertujuan untuk membentuk Modul PsikoSpiritual Mangsa Banjir (MPS MB): Strategi Spiritual/Keagamaan yang akan digunakan ke atas mangsa banjir di negeri Sabah dan Sarawak serta Semenanjung Malaysia. Seramai 17 mangsa banjir di Gua Musang dan Manik Urai, Kelantan dan Kuching, Sarawak dijadikan responden kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kajian kes dan analisis data menggunakan kaedah analisis tema. Hasil kajian kualitatif mendapati strategi spiritual/keagamaan merupakan aspek yang penting dalam pembentukan MPS MB. Strategi spiritualiti/keagamaan merangkumi tiga (3) aktiviti termasuklah keredhaan kepada ketentuan Tuhan, kerohanian/keimanan dan amalan keagamaan. Pembentukan MPS MB: Strategi Spiritual/Keagamaan mampu menggalakkan masyarakat mengetahui persediaan mangsa banjir pada masa hadapan agar dapat mengurus dan mengurangkan impak psikologi spiritual ke atas mangsa banjir.